



## TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT WISE HONG LEONG

Dikemas Kini 10 Disember 2024

Terma dan Syarat ("T&S") Kad Kredit WISE HLB ("Kad WISE") hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad ("Perjanjian") Hong Leong Bank Berhad ("HLB"). Selain daripada variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diterima pakai. Sekiranya terdapat peranggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma dan syarat T&S ini, T&S ini hendaklah diutamakan setakat mana yang berkenaan dengan Kad WISE. Dengan menerima Kad WISE, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan Perjanjian.

### 1. Program Pulangan Tunai ("Program")

- (a) Pemegang Kad Utama WISE ("Pemegang Kad Utama") akan menerima pulangan tunai sehingga 15% ("Pulangan Tunai"), tertakluk kepada yang berikut:
- (i) perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) dari Transaksi Runcit Layak (seperti ditakrif dalam Klausula 3(a) disini) pada setiap bulan calendar di mana perbelanjaan minimum dikira selepas mengambil kira semua pembalikan (jika ada);
  - (ii) perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) tersebut atas Transaksi Runcit Layak tercatat dalam bulan kalender yang sama; dan
  - (iii) Transaksi Runcit Layak tersebut termasuk dalam kategori (iaitu Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi seperti tersenarai dalam Klausula 1(b) di bawah, atau apa-apa syarat lain yang dimaklumkan oleh HLB dari semasa ke semasa.

- (b) Perolehan Pulangan Tunai masing-masing dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Perbelanjaan Minimum / Bulanan (Transaksi yang dipos)	Kategori Perbelanjaan	Kad Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi Yang Layak	Transaksi Runcit Layak dibuat pada Hari Minggu	Transaksi Runcit Layak dibuat pada Hujung Minggu	Pulangan Tunai Maksimum setiap bulan
RM1,000	Jamu Selera	• MCC: 5811/5812/5814 – Semua kedai makan	Nikmati 0.5% Pulangan Tunai	Nikmati 15% Pulangan Tunai	RM20
	Barangan Keperluan & Runcit	• MCC: 5411 – Semua kedai runcit termasuk Giant, Cold Storage, Jaya Grocer, Mercato, dan lain-lain. • MCC: 5912 – Semua kedai ubat dan farmasi termasuk Guardian, Watsons, Caring Pharmacy dan lain-lain • Kedai Serbaneka yang terpilih – MyNews and 7Eleven	Nikmati 0.5% Pulangan Tunai	Nikmati 10% Pulangan Tunai	RM15
	Petrol	• MCC: 5542 – Dispenser Bahan Bakar Automatik (layan diri) di semua stesen minyak	Nikmati 0.5% Pulangan Tunai	Nikmati 10% Pulangan Tunai	RM15
	Perbelanjaan Dalam Talian	• Lazada • Shopee • Grab • Foodpanda • Touch 'n Go • MYEG • Spotify	Nikmati 1% Pulangan Tunai		RM15

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Netflix</li> <li>• Apple Music</li> </ul> <p>Nota: Termasuk tambah nilai e-wallet dan servis penghantaran makanan untuk peniaga yang disenaraikan di atas sahaja</p>		
	Lain-lain (Termasuk transaksi luar negara)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi Yang Layak Yang Lain</li> </ul>	Nikmati 0.20% Pulangan Tunai	Tiada Had
Bawah RM1,000	Semua	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi Yang Layak Yang Lain</li> </ul>	Nikmati 0.20% Pulangan Tunai	RM2

(c) Kelayakan menerima Pulangan Tunai dikira berdasarkan transaksi yang tercatat pada setiap bulan. Pemegang Kad yang tidak memenuhi perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) sebulan seperti dinyatakan dalam Klause 1(a)(i) dan (ii) atau sekiranya aman transaksi yang tercatat itu adalah di bawah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) pada bulan kalender berkenaan, Pemegang Kad tersebut tidak akan layak menerima Pulangan Tunai sehingga 1% (hari bekerja) atau 15% (hujung minggu) pada bulan berkenaan. Akan tetapi, Pemegang Kad tersebut tetap layak menerima Pulangan Tunai 0.2% bagi Transaksi Runcit Layak (i.e. bawah Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000)) yang dibuat dalam bulan berkenaan dengan syarat jumlah pulangan tunai terkumpul tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Satu (RM1).

Ilustrasi Pulangan Tunai di bawah Program disediakan di bawah dalam Jadual 2:

Pemegang Kad telah membuat transaksi-transaksi berikut dengan Kad WISE pada Julai 2024:

**Jadual 2**

Jenis Transaksi	Amaun	Tarikh Transaksi	Hari Transaksi	Tarikh Tercatat	Hari Tercatat
JomPAY	RM400	1-Jul-24	Isnin	2-Jul-24	Selasa
Barangan Runcit & Keperluan	RM150	13-Jul-24	Sabtu	12-Jul-24	Ahad
Perbelanjaan Dalam Talian	RM1,520	11-Jul-24	Khamis	12-Jul-24	Jumaat
Jamu Selera	RM135	13-Jul-24	Sabtu	12-Jul-24	Ahad
Quick Cash	RM500	24-Jul-24	Rabu	25-Jul-24	Khamis
Petrol	RM150	13-Jul-24	Sabtu	12-Jul-24	Ahad
Petrol	RM100	31-Jul-24	Rabu	1-Aug-24	Khamis
Lain	RM20	23-Jul-24	Selasa	24-Jul-24	Rabu
Perbelanjaan Dalam Talian (Pembalikan)	RM(20)	20-Jul-24	Sabtu	21-Jul-24	Ahad

**Q: Adakah Pemegang Kad memenuhi perbelanjaan minimum RM1000?**

A: Ya, jumlah transaksi tercatat pada Julai 2024 yang dikira sebagai perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) adalah Ringgit Malaysia Dua Ribu Tiga Ratus Lima Puluh Lima (RM2,355) (yang terdiri daripada Ringgit Malaysia Empat Ratus (RM400) dari



JomPAY, Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh (RM150) dari Barangian Runcit & Keperluan, Ringgit Malaysia Lapan Puluh (RM1,500) dari Perbelanjaan Dalam Talian (selepas tolak RM20 daripada Pembalikan), Ringgit Malaysia Seratus Tiga Puluh Lima (RM135) dari Jamu Selera, Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh (RM150) dari Petrol dan Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) dari Kategori Lain)

Amaun Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dari transaksi Quick Cash tidak dianggap sebahagian daripada perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000) kerana ia bukan Transaksi Runcit Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah Klause 3(a) di bawah).

Jumlah Ringgit Malaysia Seratus (RM100) dari transaksi Petrol tidak akan dianggap sebahagian daripada perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000) untuk penyata Julai 2024 kerana transaksi tersebut hanya tercatat pada Ogos 2024.

**Q: Berapa Pulangan Tunai yang diperoleh Pemegang Kad untuk transaksi JomPAY yang dilakukan pada 1 Julai 2024?**

A: Ringgit Malaysia Sifar (RM0) kerana transaksi untuk JomPAY tidak layak mendapat Pulangan Tunai. Sila merujuk kepada Klause 3(a) di bawah untuk maklumat lanjut.

**Q: Berapakah Pulangan Tunai yang diperoleh Pemegang Kad pada bulan Julai untuk transaksi Petrol pada 31 Ogos 2024?**

A: Transaksi Petrol Ringgit Malaysia Seratus (RM100) tidak akan dianggap sebahagian daripada pulangan tunai untuk Julai 2024 (iaitu pulangan tunai Ringgit Malaysia Sifar (RM0)) kerana transaksi tersebut hanya tercatat pada Ogos 2024. Walau bagaimanapun, transaksi Petrol Ringgit Malaysia Seratus (RM100) akan menjadi sebahagian daripada pulangan tunai untuk Ogos 2024 (pulangan tunai 15% jika Pemegang kad memenuhi syarat perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) pada bulan Ogos; ataupun pulangan tunai 0.2% sekiranya perbelanjaan minimum tidak tercapai. i.e. bawah Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000)).

**A: Berapakah jumlah Pulangan Tunai yang telah diperoleh oleh Pemegang Kad untuk bulan Julai 2024?**

A: Ringgit Malaysia Enam Puluh Lima (RM65). Sila rujuk Jadual 3 di bawah untuk ilustrasi pengiraan Pulangan Tunai bagi bulan Julai 2024.

**Jadual 3**

Jenis Transaksi	Transaksi Amaun (RM)	Tarikh Transaksi	Kadar Pulangan Tunai (%)	Pulangan Tunai (RM)	Pulangan Tunai Dihadkan (RM)
Jamu Selera	200	13-Jul (Hujung Minggu)	15%	20	20
Barangan Runcit & Keperluan	450	13-Jul (Hujung Minggu)	10%	15	15
Petrol	150	13-Jul (Hujung Minggu)	10%	15	15
Perbelanjaan Dalam Talian	1500	11-Jul	1%	15	15
Lain-lain	20	23-Jul	0.2%	0.04	Tiada Had
Jumlah Pulangan Tunai (RM)			65		
				Nota: Pulangan tunai yang diberikan akan dibundarkan (atas atau bawah) kepada Ringgit Malaysia ("RM") yang terdekat.	

## **2. Kelayakan & Penyertaan**

- (a) Untuk menyertai Program ini, syarat kelayakan berikut mestilah dipenuhi:
- (i) Akaun Kad WISE Pemegang Kad mestilah sah, mempunyai rekod baik, bayaran tidak bertunggak dan tidak ditutup atau ditamatkan oleh sama ada oleh Pemegang Kad atau HLB;
  - (ii) Pemegang Kad mestilah tidak melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini dan/atau terma dan syarat Perjanjian; dan
  - (iii) Kelayakan akan dibatalkan bagi Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Program selesai.

## **3. Terma dan Syarat Program**

- (a) Terma "**Transaksi Runcit Layak**" bermaksud apa-apa transaksi belian runcit yang dibuat di dalam dan luar negara, termasuk transaksi dalam talian yang dicaj kepada Kad WISE (hanya tertakluk pada Kad WISE Utama ) tetapi TIDAK TERMASUK transaksi berikut (senarai di bawah ini tidak lengkap dan HLB berhak menentukan sama ada sesuatu transaksi itu terangkum dalam takrif Transaksi Runcit atau Pembelanjaan Runcit):
- (i) transaksi tunai termasuk tetapi tidak terhad kepada Pendahuluan Tunai dan Pindahan Baki;
  - (ii) transaksi Quick Cash;
  - (iii) fi dan caj termasuk tetapi tidak terhad kepada caj bagi pengeluaran wang tunai dan bayaran tunai, fi tahunan, faedah dan/atau caj kewangan, transaksi dipertikaikan, caj kerajaan seperti cukai dan apa-apa jenis caj dan penalti;
  - (iv) transaksi penukaran ansuran termasuk tetapi tidak terhad kepada Pelan Bayaran Fleksi;
  - (v) pindahan dana (daripada atau kepada akaun HLB sama ada oleh HLB atau pihak ketiga);
  - (vi) Transaksi yang dipertikaikan yang kemudiannya dibalikkan daripada akaun Pemegang Kad; dan/atau
  - (vii) Transaksi QR Pay melalui HLB Connect App.

Transaksi yang bukan merupakan Transaksi Runcit Layak tidak akan menerima apa-apa Pulangan Tunai dan amaun yang dibelanjakan daripada transaksi-transaksi ini tidak akan menyumbang atau menjadi sebahagian perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) bagi setiap bulan kalender.

Bagi semua transaksi berkaitan kerajaan, JomPAY dan/atau transaksi FPX, amaun yang dibelanjakan daripada transaksi ini akan menyumbang dan menjadi sebahagian perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) bagi setiap bulan kalender. Akan tetapi, transaksi-transaksi ini tidak akan layak menerima Pulangan Tunai.

- (b) Istilah "**HLB Connect App**" bermaksud Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect.
- (c) Istilah "**Transaksi QR Pay**" bermaksud transaksi runcit dibuat melalui HLB Connect App menggunakan QR Pay.
- (d) Pulangan Tunai akan dikira pada akhir setiap bulan kalender berdasarkan kadar seperti tertera dalam Jadual dalam Jadual 1 di atas dan tidak kumulatif dari bulan sebelum. Bagi mengelakkan keraguan, Hari Minggu bermaksud Isnin hingga Jumaat dan Hujung Minggu bermaksud Sabtu dan Ahad.

- (e) Pulangan Tunai yang dianugerahkan akan dibundarkan (ke atas atau bawah) kepada kiraan Ringgit Malaysia (“RM”) yang terhampir. Kredit Pulangan Tunai akan digunakan untuk menampung apa-apa baki belum lunas dalam akaun Kad WISE. Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai yang kena dibayar kepada Pemegang Kad akan dikreditkan ke dalam akaun Kad WISE pada bulan berikut dan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad. Sekiranya Pulangan Tunai yang kena dibayar kepada Pemegang Kad matang pada atau selepas tarikh Penyata Pemegang Kad, maka Pulangan Tunai hanya akan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad pada bulan berikutnya.
- (f) Pulangan Tunai diberi kepada Pemegang Kad berdasarkan jumlah amaun tercatat Transaksi Runcit yang Layak dalam RM dicaj kepada Kad WISE. Semua transaksi luar negara dan transaksi yang dilakukan dalam mata wang asing akan ditukar kepada RM mengikut kadar pertukaran yang ditentukan oleh HLB atas budi bicaranya yang mutlak.
- (g) HLB akan sebaiknya memastikan Transaksi Runcit Layak dan/atau Pulangan Tunai yang diperoleh sepanjang Program akan tercatat tepat pada masanya.
- (h) HLB berhak dari semasa ke semasa, setelah notis awal diberi, meminda kadar Pulangan Tunai menurut budi bicaranya yang mutlak.
- (i) Penetapan Kategori Peniaga dan Kod Kategori Peniaga bagi setiap peniaga adalah tertakluk kepada pengelasan oleh bank-bank pemperoleh masing-masing dan bank pemeroleh berkenaan bertanggungjawab menentukan Kategori Peniaga dan Kod Kategori Peniaga yang betul. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap penetapan Kategori Peniaga dan Kod Kategori Peniaga yang tidak betul atau berbeza sehingga menyebabkan (i) transaksi tidak dikategorikan sebagai Transaksi Runcit Layak dan/atau (ii) Pulangan Tunai bagi Transaksi Runcit Layak tidak tercatat pada peniaga yang layak. Pemegang Kad tidak akan berhak menuntut apa-apa pampasan terhadap HLB atas Pulangan Tunai tidak tercatat lantaran penetapan Kategori Peniaga yang tidak betul atau berbeza oleh bank pemeroleh peniaga masing-masing.
- (j) HLB boleh dari semasa ke semasa, atas budi bicaranya yang mutlak, setelah memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender kepada Pemegang Kad, mengubah, meminda, atau menukar mana-mana T&S ini.
- (k) Amaun perbelanjaan minimum Pemegang Kad akan menentukan kadar kelayakan Pulangan Tunai Pemegang Kad berdasarkan Jadual 1 di atas. Jika Pulangan Tunai diberi bagi mana-mana Transaksi Runcit Layak yang kemudiannya dibalikkan, maka pembalikan itu akan menyebabkan Pulangan Tunai bersamaan turut dibalikkan tanpa mengira tarikh tercatat transaksi asal. Sebarang transaksi dibalikkan dan/atau transaksi yang dibatalkan akan dikecualikan daripada menerima Pulangan Tunai.

#### **4. Fi Tahunan**

Fi Tahunan akan dikenakan seperti berikut:

<b>Pemegang Kad Utama</b>	RM98
<b>Pemegang Kad Tambahan</b>	RM48

Fi tahunan tidak akan dikecualikan untuk Kad WISE.

#### **5. Mata Ganjaran**

Mata ganjaran tidak diberi bagi Kad WISE.



## **6. Variasi Ciri Produk**

HLB berhak meminda, mengubah atau menukar mana-mana ciri produk bagi Kad WISE atau menarik balik Kad WISE pada bila-bila masa setelah notis awal diberi kepada Pemegang Kad. Pertukaran dan pemindaan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang dipilih oleh HLB. Berikutnya itu, HLB boleh atas budi bicaranya menghantar terus kepada Pemegang Kad atau memaklumkan melalui media massa atau menghebahkan notis dalam dewan perbankan HLB Bank atau laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau apa-apa cara yang HLB anggap sesuai tentang penambahan, pengubahaian atau pemindaan ciri-ciri produk itu.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang sedang melayan anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).